

Kadar kesuburan negara paling rendah sejak lima dekad lalu

1.6 anak bagi setiap wanita berusia 15 hingga 49 tahun direkod pada 2023

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kadar kesuburan keseluruhan 1.6 anak bagi setiap perempuan berusia 15 hingga 49 tahun pada tahun lalu, direkodkan paling rendah sejak lima dekad lalu.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata data tahun lalu itu juga direkod menurun berbanding 1.7 kadar kesuburan pada tahun sebelumnya.

Mengulas kadar terendah itu, beliau berkata, kadar kesuburan keseluruhan pada 1970 direkodkan pada kadar 4.9 anak bagi setiap perempuan pada 1970.

"Sejak 1970 hingga 2012, kadar kesuburan keseluruhan negara direkodkan di atas paras penggantian iaitu 2.1 anak, yang menunjukkan purata bilangan anak dilahirkan seorang perempuan sepanjang tempoh kesuburnannya mencukupi untuk mengantikan dirinya dan pasangannya.

"Bagaimanapun, kadar kesuburan keseluruhan mula menurun di bawah paras penggantian bermula 2013 hingga kini. Trend penurunan kadar kesuburan ini berpotensi mengakibatkan krisis demografi seperti penyusutan pertumbuhan penduduk, penilaian penduduk dan kesan terhadap ekonomi dan sosial," katanya semalam.

Merujuk manual Prinsip dan Syor Untuk Statistik Penting *Principles and Recommendations For A Vital Statistics (Revision 3)*, United Nations Statistics Division

(2014), paras penggantian 2.1 bermaksud purata bilangan anak yang perlu dilahirkan oleh seorang perempuan dengan menanggung seorang anak perempuan yang hidup sehingga anak itu melahirkan anak.

Jika paras penggantian kesuburan kekal dalam tempoh panjang, setiap generasi secara tepat akan menggantikan dirinya dan pasangannya tanpa mengambil kira migrasi penduduk.

Mohd Uzir berkata, kadar kesuburan keseluruhan tertinggi dicatatkan etnik Melayu iaitu 2.1 anak bagi setiap perempuan berumur 15 hingga 49 tahun pada 2022, manakala Cina merekodkan kadar kesuburan keseluruhan terendah iaitu 0.8 anak.

Beliau berkata, semua negeri merekodkan kadar kesuburan keseluruhan di bawah paras penggantian kecuali Terengganu (2.9), Kelantan (2.7) dan Pahang (2.1).

Trend kadar kesuburan turun

Katanya, Malaysia bersama beberapa negara membangun seperti Amerika Syarikat (1.7), Australia (1.7), United Kingdom (1.6), Jepun (1.3) dan Korea Selatan (0.8) menunjukkan trend kadar kesuburan menurun di bawah paras penggantian.

"Trend sama dapat diperhati di negara ASEAN seperti Vietnam (1.9), Brunei (1.8), Thailand (1.3) dan Singapura (1.1)," katanya.

Mengenai kelahiran hidup, katanya, 423,124 direkodkan pada 2022 iaitu menurun 3.8 peratus berbanding 439,774 kelahiran

pada 2021, dengan bayi lelaki dilahirkan melebihi perempuan iaitu masing-masing 218,345 dan 204,779.

"Penurunan bilangan kelahiran mengakibatkan kadar kelahiran kasar menurun daripada 13.5 kelahiran pada 2021 kepada 12.9 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk pada 2022," katanya.

Mohd Uzir berkata, semua negeri merekodkan penurunan kadar kelahiran kasar pada 2022 berbanding 2021, kecuali Sabah yang menunjukkan peningkatan daripada 12.2 kelahiran pada 2012 kepada 12.8 kelahiran pada 2022 bagi setiap 1,000 penduduk.

"Kadar kelahiran kasar tertinggi pada 2022 direkodkan Song di Sarawak dan Kuala Terengganu di Terengganu dengan kedua-dua daerah merekodkan 24.3 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk. Daerah Kinabatangan di Sabah merekodkan kadar terendah iaitu 4.6 kelahiran," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Uzir berkata, sejumlah 206,525 kematian direkodkan pada 2022, menurun 8.0 peratus berbanding 224,569 kematian pada 2021, iaitu selepas pandemik COVID-19.

Katanya, kadar kematian kasar turut merekodkan penurunan daripada 6.9 pada 2021 kepada 6.3 pada tahun lalu bagi setiap 1,000 penduduk.

"Bilangan kematian lelaki pada 2022 adalah 117,790 atau 57.0 peratus daripada keseluruhan kematian, manakala bilangan kematian perempuan adalah 88,735 atau 43.0 peratus," katanya.

◆ Kadar kesuburan keseluruhan mula menurun di bawah paras penggantian bermula 2013 hingga kini ◆

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan
Malaysia

